

**Pemuda MCA Cadang Kerajaan Kaji Semula Sistem Pengambilan Pelajar IPTA
Bernama
22 Julai, 2013**

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Pemuda MCA mencadangkan kerajaan menubuhkan jawatankuasa khas sama ada di peringkat kabinet ataupun Parlimen bagi mengkaji semula sistem pengambilan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Ketuanya, Datuk Wee Ka Siong berkata selain menubuhkan jawatankuasa, pihaknya juga meminta Kementerian Pendidikan mengumumkan kaedah pengambilan pelajar ke IPTA.

Katanya, hal ini penting kerana semakin ramai pelajar lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Matrikulasi serta Diploma yang mendapat CGPA 4.0 serta markah ko-kurikulum yang cemerlang tetapi tidak ditawarkan sebarang kursus ataupun mendapat kursus di luar daripada pilihan mereka.

"Sebagai contoh, pelajar lepasan STPM mendapat CGPA 4.0 dan markah kokurikulum sebanyak 9.8 markah memohon kursus perubatan tetapi ditawarkan kursus Sains Penternakan ataupun tidak mendapat sebarang tawaran dalam mana-mana IPTA.

"Kami merasakan tawaran ini tidak munasabah memandangkan pelajar itu bercita-cita untuk mengambil kursus yang diidam-idamkan selama ini tetapi ditawarkan kursus yang luar daripada pilihannya ataupun tidak langsung mendapat tempat," katanya pada sidang media di sini, Isnin.

Katanya, pihaknya telah membuat kajian berdasarkan maklumat yang dibekalkan serta 361 kes rayuan mendapati bilangan pengambilan pelajar bagi kursus popular seperti Perubatan, Pergigian serta Farmasi semakin berkurangan.

"Kalau kita lihat Perubatan, Pergigian dan juga Farmasi dalam tempoh tiga tahun, mereka (kementerian) telah menurunkan angka dengan mendadak yang mana dari tahun 2011 hingga tahun ini, bilangan pengambilan pelajar untuk kursus-kursus itu telah berkurangan seramai 262 orang.

"Saya difahamkan bilangan tempat yang ditawarkan dalam kursus-kursus tersebut sudah ditetapkan dan tidak boleh ditambah bilangannya lagi tetapi tidak mungkin bilangan (pengambilan pelajar) itu akan berkurangan," katanya.

Wee, yang juga bekas Timbalan Menteri Pelajaran bagi tempoh Mac 2008 hingga Mei 2013 turut mengesyorkan untuk menggunakan kaedah tahun lalu iaitu memberi biasiswa tajaan kerajaan kepada pelajar cemerlang tetapi gagal ke IPTA untuk melanjutkan pelajaran ke IPTS dalam bidang yang diminati mereka.

Katanya, selain itu sistem penilaian markah kokurikulum dalam kalangan pelajar Matrikulasi dan STPM juga perlu dikaji semula memandangkan wujudnya penilaian yang tidak adil dan memerlukan penyelarasan.

"Ini kerana markah kokurikulum pelajar matrikulasi dinilai berdasarkan penyertaan mereka selama setahun manakala markah pelajar STPM dinilai berdasarkan penyertaan aktiviti kokurikulum dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 6 Atas, ini tidak adil kepada pelajar STPM kerana biasanya markah mereka lebih sedikit berbanding pelajar matrikulasi " katanya.

Katanya dalam sistem permohonan terdahulu semua IPTA terletak di bawah Unit Pusat Universiti (UPU) dan calon hanya dikehendaki mengemukakan lapan pilihan kursus sahaja.

"Apabila kerajaan telah memberi kuasa autonomi kepada Universiti penyelidikan serta Apex (Accelerated Programme for Excellence) seperti Universiti Sains Malaysia (USM) untuk memilih sendiri pelajar-pelajarnya, calon menghadapi masalah yang mana mereka terpaksa mengisi borang yang berasingan dalam satu masa.

"Ini akan menjadi satu perkara kompleks (rumit) kepada mereka dan mudah timbul masalah 'double offer' yang mana dalam masa yang sama mereka mendapat dua tawaran dan tidak adil kepada mereka yang mendapat keputusan cemerlang tetapi tidak ditawarkan sebarang tawaran," katanya.

Oleh itu, Wee berkata adalah perlu kerajaan mengambil cadangan-cadangan yang diutarakan oleh pihaknya dalam usaha menambahbaik sistem pengambilan pelajar IPTA.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=965281>